

BHPetrol x Batik Air 2026

Terms and Conditions / Terma dan Syarat:

1. BHPetrol X Batik Air campaign is organized by Boustead Petroleum Marketing Sdn Bhd ("BHPetrol") and Batik Air.

Kempen BHPetrol x Batik Air dianjurkan oleh Boustead Petroleum Marketing Sdn Bhd ("BHPetrol") dan Batik Air.

2. The campaign is open to BHPetrol eCard app members and/or Batik Air passengers who are Malaysian citizens or permanent residents with valid identification throughout the campaign period.

Kempen ini terbuka kepada ahli aplikasi eCard BHPetrol dan/atau penumpang Batik Air serta warganegara Malaysia atau pemastautin tetap yang mempunyai dokumen pengenalan diri yang sah sepanjang tempoh kempen.

3. Participants agree to the privacy notice and marketing consent upon registering as BHPetrol eCard app members.

Peserta bersetuju dengan notis privasi dan kebenaran pemasaran semasa mendaftar sebagai ahli aplikasi eCard BHPetrol.

4. The organizer reserves the right to amend, extend, or cancel the campaign without prior notice.

Penganjur berhak untuk meminda, melanjutkan atau membatalkan kempen tanpa notis terlebih dahulu.

5. Participants agree to abide by all decisions made by the organizer regarding the campaign.

Peserta bersetuju untuk mematuhi semua keputusan yang dibuat oleh pihak penganjur.

6. Participants must not engage in any activity that may harm the reputation of BHPetrol or Batik Air, including spreading false information.

Peserta tidak dibenarkan terlibat dalam sebarang aktiviti yang boleh menjejaskan reputasi BHPetrol atau Batik Air termasuk penyebaran maklumat palsu.

Mekanisme 1: Batik Air Fare Discounts / [Diskaun Tambang Batik Air.]

7. To enjoy the flight discount, members must book between 1 May – 15 June 2026 and travel between 1 May – 31 August 2026, subject to blackout (embargo) dates.

Untuk menikmati diskaun penerbangan, ahli perlu membuat tempahan antara 1 Mei hingga 15 Jun 2026 dan tempoh perjalanan adalah antara 1 Mei hingga 31 Ogos 2026, tertakluk kepada tarikh sekatan (embargo).

8. Members must enter the promo code or book via the dedicated campaign landing page to enjoy the discount.

Ahli perlu memasukkan kod promosi atau membuat tempahan melalui halaman kempen khas untuk menikmati diskaun tersebut.

9. The flight discount applies to base fare only, excluding taxes and surcharges.

Diskaun penerbangan hanya terpakai ke atas tambang asas sahaja, tidak termasuk cukai dan caj tambahan.

10. For Batik Air-related enquiries, participants may contact Batik Air Customer Service for assistance through email od_customercare@batikair.com.my.

Untuk pertanyaan berkaitan Batik Air, peserta boleh menghubungi Khidmat Pelanggan Batik Air untuk bantuan melalui emel od_customercare@batikair.com.my

Mekanisme 2: BHPetrol RM 3 eVoucher / [eBaucar RM3 BHPetrol.]

11. Non-users of the eCard app are also eligible to receive an additional RM3 eVoucher from BHPetrol by entering the referral code on the eCard app sign-up page. Vouchers are subject to availability while stocks last.

Pengguna yang belum mempunyai aplikasi eCard juga layak menerima eBaucar tambahan bernilai RM3 daripada BHPetrol dengan memasukkan kod rujukan di halaman pendaftaran aplikasi eCard. Baucar adalah tertakluk kepada ketersediaan stok sementara stok masih ada.

12. Vouchers are not exchangeable for cash. If the purchase amount exceeds the voucher value, the difference must be paid by the user. No refund will be given for unused balance.

Baucar tidak boleh ditukar kepada wang tunai. Sekiranya jumlah pembelian melebihi nilai baucar, perbezaan perlu dibayar oleh pengguna. Tiada bayaran balik untuk baki yang tidak digunakan.

13. Vouchers can be used to purchase petrol, diesel, or shop items at any BHPetrol station and are valid until the expiry date stated. No extension of validity is allowed.

Baucar boleh digunakan untuk pembelian petrol, diesel atau barangan kedai di mana-mana stesen BHPetrol dan sah sehingga tarikh luput yang dinyatakan. Sebarang permohonan lanjutan tempoh sah tidak akan dilayan.

14. Participants agree to the privacy notice and marketing information upon registering as BHPetrol eCard app members.

Peserta bersetuju dengan notis privasi dan penerimaan maklumat pemasaran semasa mendaftar sebagai ahli aplikasi eCard BHPetrol.

15. For any matters related to BHPetrol vouchers, participants may refer to the BHPetrol's official website or contact the BHPetrol's customer service at (03 – 7890 5111), Monday- Friday, 9 AM – 5 PM.

Bagi sebarang perkara berkaitan baucar BHPetrol, peserta boleh merujuk laman web rasmi BHPetrol atau menghubungi khidmat pelanggan BHPetrol di talian (03–7890 5111), Isnin hingga Jumaat, 9 pagi hingga 5 petang.